

09/06/2003

Biar lanun cetak rompak mati kebulur

USAHA pihak berkuasa menggempur sarang serta markas penjualan VCD cetak rompak dan porno di seluruh negara dilaporkan berkesan. Selepas dua minggu

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi atau Pak Lah mengeluarkan arahan supaya aktiviti tidak bermoral itu disekat serta merta, Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, terus bertindak dengan drastik bersama pasukannya.

Serbuan demi serbuan dilancarkan dan kita sendiri dapat melihat perkembangan berita itu dalam media cetak dan elektronik setiap hari.

Bagi

saya, tindakan itu memang tepat pada masanya kerana tidak tidak boleh berleluasa lagi. Syabas diucapkan!

Kita tahu kudis VCD haram dan lucah sudah lama bernanah di negara ini dan merosakkan moral serta pemikiran rakyat. Bukan itu saja, ia juga menjejaskan imej negara di mata dunia.

Kita tentunya mahu Malaysia lebih dikenali dengan KLCC, Putrajaya, Jambatan Pulau Pinang, Le Tour de Langkawi serta syurga beli-belah dan makanan - bukan sarang pengedaran produk haram atau porno. Memandangkan Islam menjadi agama rasmi Malaysia, jadi kita tidak mahu perkara sebegini

menjejaskan imej negara.

Apa yang saya harap, tindakan bersepadu oleh pihak berkuasa terhadap pengedaran VCD, CD, DVD atau perisian komputer mestilah diteruskan dari semasa ke semasa. Jangan sesekali berhenti setakat ini kerana kalau kita tidak terus memantau, penyakit lama itu akan tentu berjangkit semula.

Kita harus sedar, walaupun undang-undang ketat dilaksanakan, lanun cetak

rompak akan sentiasa mencari jalan untuk meneruskan kegiatan bawah tanah mereka itu. Tapi awas, kalau kali ini kena cekup... bak kata orang Kedah,

makan tak habis!

Kita memang ada undang-undang yang bertujuan memberi amaran dan penalti

kepada mereka yang membuat kejahatan. Namun kesedaran dan ilmu lebih penting kerana kalau kita sedar menjual atau membeli barang curi itu satu

kesalahan, kita tentunya tidak akan bersekongkol dengan kejahatan itu.

Seharusnya, setiap rakyat negara ini perlu dididik sejak dari rebung lagi untuk menghargai apa itu harta intelektual dan kesalahan memiliki barangan curi. Di sinilah pentingnya peranan ibu bapa dan pendidik di sekolah terhadap anak-anak kecil sebab kalau sudah menjadi buluh, cakap saja tidak cukup, cuma hukuman saja patut dikenakan.

Dalam kesempatan ini, saya juga ingin menyeru persatuan artis yang ada di Malaysia supaya berbuat sesuatu. Janganlah hanya duduk terkebil-kebil apabila melihat pihak kerajaan berusaha memerangi cetak rompak. Kalau selama ini artislah yang asyik merungut dan mahu pihak berkuasa melaksanakan tindakan tegas, inilah masanya untuk mereka bangkit dan sama-

sama menyuarakan dengan lantang segala sokongan.

Tumpang benda masih panas, buatlah kempen besar-besaran supaya peminat terus memboikot barang cetak rompak dan memberikan maklumat di mana dalang itu bersembunyi. Tidak ada jalan lain yang dapat menyelamatkan bangsa selain bersikap jujur.

Kita tahu artis sendiri adalah public figure dan berpengaruh dalam masyarakat. Di manakah Siti Nurhaliza yang dulunya menangis teresak-esak kerana menjadi mangsa permainan kotor dalang cetak rompak?

Atau mungkin kerana sudah larisnya lagu dan VCD Airmata Ibu, Siti mahupun artis lain hanya membiarkan usaha membanteras cetak rompak itu ditangani pihak berkuasa saja?

Apakah apabila wartawan membuat follow-up saja, baru Siti hendak bersuara? Seperkara lagi, kesan daripada kurangnya kegiatan cetak rompak, kita berharap lebih ramai peminat akan membeli produk asli dan serbu panggung wayang. Jadi apabila keadaan ini berlaku, syarikat penerbitan muzik dan filem mestilah menilai semula harga kaset, CD, VCD atau DVD mereka itu. Filem juga jangan cerita macam sampah. Selama ini, faktor harga turut menjadi penyumbang kepada berkembangnya cetak rompak.

Kita mahu harga setiap produk seni itu waras dengan kualiti serta ketulenannya. Dengan ini barulah masyarakat akan terus memberikan sokongan padu dan pada waktu yang sama, membiarkan lanun mati kebulur!